



KENYATAAN MEDIA

PERKESO BUKA PERMOHONAN PROGRAM DI BAWAH BAJET 2022

KUALA LUMPUR – Permohonan bagi **enam (6)** program di bawah Bajet 2022 yang dilaksanakan oleh **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** sudah mula dibuka sejak **1 Januari 2022** yang lalu. Program-program tersebut adalah SIP Subsidi Upah Bersasar; SIP Elaun Mencari Pekerjaan+; SPS Padanan Caruman; SPS Khidmat, Program JaminKerja – Insentif Penggajian; dan SIP Gig.

SIP Subsidi Upah Bersasar (PSU 5.0)

Majikan daripada sektor pelancongan yang terkesan dan mengalami penurunan pendapatan akibat penularan COVID-19 boleh membuat permohonan bagi program SIP Subsidi Upah Bersasar atau PSU 5.0 bermula **1 Januari 2022 sehingga 31 Mac 2022**. Insentif kewangan yang diberikan adalah sebanyak **RM600 sebulan** untuk setiap pekerja selama **tiga (3) bulan**, terhad kepada **500 orang** pekerja bagi setiap perusahaan.

SIP Elaun Mencari Pekerjaan+ (SIP EMP+)

Bagi meneruskan pemberian bantuan SIP Prihatin 2.0 yang berakhir pada 31 Disember 2021, individu yang kehilangan pekerjaan atau sedang mencari pekerjaan boleh memohon **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** menerusi program **SIP Elaun Mencari Pekerjaan+ (SIP EMP+)**. Inisiatif ini telah ditambah baik pada tahun ini di mana bantuan kewangan ini turut diberikan kepada **pencazum dan bukan pencazum PERKESO**.

Program ini adalah bertujuan untuk menambahbaik faedah PERKESO bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan ataupun menganggur pada kadar jangka masa panjang. Permohonan bagi **pencazum PERKESO** telahpun dibuka selama **enam (6) bulan** bermula dari **1 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022**. Sementara itu, permohonan SIP EMP+ bagi **individu bukan pencazum PERKESO** telahpun dibuka selama **12 bulan** bermula dari **1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022**.

SPS Padanan Caruman

Untuk golongan **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** khususnya daripada **lapan (8) kategori** seperti orang asli atau orang asal, pekerja gig, penjaja, Orang Kurang Upaya (OKU), pengusaha sektor pelancongan, artis, petani dan usahawan wanita, mereka boleh memohon insentif **SPS Padanan Caruman** untuk dilindungi di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** PERKESO selama **setahun**.

Bantuan dalam bentuk **pembiayaan padanan caruman** di bawah **Pelan Caruman Kedua SKSPS** ini akan dibiayai oleh Kerajaan sebanyak **80 peratus (RM186.20)**, manakala baki **20 peratus (RM46.60)** perlu dibayar oleh OBS. Insentif ini diharapkan dapat mengurangkan beban caruman bagi OBS untuk mendapatkan perlindungan di bawah PERKESO serta memupuk kesedaran akan kepentingan Keselamatan Sosial dalam kalangan OBS. Permohonan SPS Padanan Caruman boleh dibuat mulai **1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022**.

SPS Khidmat

OBS yang tergolong dalam **empat (4) kategori** ini iaitu anggota pasukan sukarelawan, pekhidmat rumah ibadat Islam (JAKIM), penyelia dan petugas pemulihan komuniti dan anggota sektor awam berstatus *Contract For Service* layak memohon program SPS Khidmat. Insentif dengan bantuan **pembiayaan penuh** oleh Kerajaan untuk caruman bawah **Pelan Caruman Kedua dan Keempat SKSPS** ini menyediakan tempoh perlindungan **setahun** kepada OBS yang berdaftar. Permohonan bagi SPS Khidmat kini dibuka **sejak 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022** dengan mengemukakan permohonan melalui agensi pentadbiran kawal selia masing-masing.

Program JaminKerja – Insentif Penggajian

Mulai tahun 2022, para majikan yang membuat pengambilan pekerja baharu dalam kalangan perantis, graduan dan golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas tentera dan bekas banduan boleh memohon insentif penggajian daripada PERKESO menerusi **Program JaminKerja – Insentif Penggajian**. Majikan daripada semua kategori industri yang berdaftar dengan PERKESO **sebelum 1 Januari 2022** boleh menikmati insentif maksima sebanyak **RM36,000** untuk setiap pekerja yang digajikan dalam tempoh **12 bulan**. Program JaminKerja – Insentif Penggajian turut boleh dimanfaatkan kepada majikan yang mengambil pekerja daripada golongan wanita, sektor berkaitan pelancongan dan melaksanakan penggantian jawatan pegawai dagang (*expatriate*) dengan pekerja tempatan.

Insentif penggajian ini dijangka dapat merangsang penawaran pekerjaan dalam kalangan majikan serta mengurangkan kadar pengangguran negara dengan sasaran penempatan

sebanyak 250,000 pencari kerja. Permohonan bagi program ini boleh dibuat secara dalam talian mulai **17 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022**

SIP Gig

Individu yang tergolong dalam kumpulan yang diberikan notis cuti tanpa gaji, diberhentikan kerja, menganggur lebih 60 hari, pencari kerja daripada golongan terjejas atau suri rumah yang tidak bekerja lebih dari enam (6) bulan, boleh memohon insentif kewangan di bawah program SIP Gig.

Program ini menawarkan bantuan kewangan sebanyak **RM600 sehingga RM800 sebulan** selama maksimum **enam (6) bulan** kepada individu di atas yang bekerja dalam sektor tidak formal atau ekonomi gig melalui **platform berdaftar di bawah PERKESO** untuk jangka masa pendek. Permohonan insentif telahpun dibuka mulai **17 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022**

Keluarga Malaysia khususnya mereka yang layak untuk memohon digalakkan untuk mengemukakan permohonan dengan segera. Layari **laman web rasmi PERKESO** di pautan www.perkeso.gov.my untuk memohon kesemua inisiatif tersebut kecuali SPS Khidmat. Bagi inisiatif SIP EMP+ (individu bukan pencarum PERKESO), SPS Padanan Caruman dan SIP Gig permohonan juga boleh dibuat menerusi **Aplikasi PRIHATIN PERKESO** yang boleh dimuat turun di *AppStore* atau *PlayStore*. Maklumat lanjut bagi setiap inisiatif boleh diperolehi menerusi **Soalan-soalan Lazim (FAQ)** di laman web rasmi PERKESO dan media sosial rasmi PERKESO atau hubungi **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

21 Januari 2021

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720.
